

Umat Islam dijemput hadir tunai solat hajat esok

[Ahmad Fuad Bin Ramadan](#) 17 hours ago



AYER KEROH 3 Feb. – Umat Islam dijemput hadir pada program solat hajat peringkat negeri di Masjid Al Alami, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, esok.

Ketua Menteri, Adly Zahari dijangka hadir menyertai jemaah menuaikan solat hajat itu yang dijadual bermula kira-kira jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi.

Solat berkenaan diadakan bertujuan memohon kepada Allah SWT agar dipermudahkan segala urusan dalam menangani masalah air dan penularan wabak Koronavirus yang melanda dunia ketika ini.

Sehubungan itu, umat Islam diseru beramai-ramai menyertai solat sunat berkenaan.

Selain solat hajat di Masjid Al Alami, kerajaan negeri turut menganjurkan solat sama di tiga lokasi berlainan bermula esok hingga 17 Februari ini.

Tiga lokasi berkenaan ialah di Empangan Durian Tunggal (31 Januari), Empangan Jus (7 Februari) dan di Masjid Machap Lama pada 17 Februari.

Bagaimanapun, solat hajat di tiga lokasi berkenaan hanya membabitkan kakitangan agensi berkaitan.